

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, July 31, 2019 9:50 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Muhammad Ikhmal Basry Juarai Kejohanan New Era Hainan Junior Golf Tour 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 JULAI 2019 / 28 ZULKAEDAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Unit Media UUMNGA

MUHAMMAD IKHMAL BASRY JUARAI KEJOHANAN NEW ERA HAINAN JUNIOR GOLF TOUR 2019



UUM ONLINE: Nama Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam arena sukan golf terus dijulung apabila pemain dari Akademi Golf Nasional UUM (AGNUUM), Muhammad Ikhmal Basry telah menjuarai New Era Hainan Junior Golf Tour 2019 (Malaysia Leg) bagi Kategori Lelaki U19 di Glenmarie Golf & Country Club, Shah Alam, baru-baru ini.

Pemain berusia 18 tahun itu telah menampilkan aksi konsisten apabila berjaya mencatatkan 70,71,73 (3 di bawah par), cemerlang mengatasi saingan hebat peserta lain.

Muhammad Ikhmal berkata, beliau bersyukur dengan kejayaan itu walaupun terpaksa berdepan dengan ramai pesaing yang hebat pada kejohanan tersebut.

Menurutnya, demi memastikan kemenangan berpihak kepadanya, beliau hanya menfokuskan kepada permainan dan berusaha mempamerkan aksi cemerlang di sepanjang kejohanan tersebut.

"Kejayaan ini adalah yang kedua bagi saya sejak mula mewakili UUM pada tahun lalu dan saya juga pernah mewakili negara ke Myanmar dalam ASEAN University Games 2018 yang mana saya menduduki tempat kelima bagi acara individu dan tempat kedua bagi acara berkumpulan.

"Harapan saya kini untuk terus bermain golf mewakili universiti dan negara pada masa hadapan, selain meningkatkan lagi mutu permainan dari semasa ke semasa," katanya yang mula bermain golf seawal usia tujuh tahun lagi.

Kemenangan Muhammad Ikhmal itu sekali gus telah melayakkan beliau untuk menyertai Kejohanan Golf Amatur di China yang sudah pasti akan memberikan impak yang positif dalam kariernya.

Manakala Muhammad Azren Noor Azam dan Sazanur Iman Salenin turut cemerlang apabila masing-masing menduduki tempat ke-2 dan ke-4 bagi Kategori Lelaki U23.

Sementara itu, Pengarah AGNUUM, Prof. Madya Dr. Azman Yasin berkata, beliau gembira di atas kejayaan Muhammad Ikhmal yang hadir tepat pada masanya bagi membuktikan kepada pesaing bahawa pelajar golf AGNUUM mampu menggegarkan arena sukan golf tempatan.

Menurutnya, beliau berharap aksi cemerlang beberapa pelajar AGNUUM dalam siri jelajah golf kebangsaan turut mendapat perhatian pihak berkaitan agar mereka mendapat peluang bagi mewakili negara ke kejohanan antarabangsa termasuk Sukan SEA Philippines 2019 pada November nanti.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani turut mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan cemerlang semua pemain pada kejohanan itu dan sokongan padu beliau ternyata membakar semangat pemain bagi memastikan nama universiti terus gemilang di peringkat tertinggi.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.